

Kekeliruan identiti menjadikan kita hilang arah

dak dibangkitkan, sebaliknya nak menie- bihi agama lain. Tiba-tiba ada pihak yang bukanlah ajaran Islam yang mereka dihidupkan.



Pena Mufti

Dr. Mohd. Asri Zainul Abidin

MINGGUAN M'SIA
20/10/08
MFB

SAYA baru sahaja berjumpa dengan Perdana Menteri secara peribadi di pejabatnya pada hari Khamis lepas. Saya memberikan pandangan dalam beberapa perkara. Antaranya mengenai tuntutan memaklumkan keislaman seseorang yang baru menganut Islam kepada keluarga. Saya bertanya maksud beliau, kerana saya amat tidak bersetuju jika itu dijadikan syarat. Beliau memberitahu saya, itu bukan syarat pengesahan pendaftaran. Beliau akan membuat penjelasan nanti. Saya berterima kasih dan lega. Jika tidak, saudara-saudara Muslim kita yang baru akan menjadi mangsa, sama ada tekanan keluarga atau tekanan undang-undang. Maka betapa Islam yang menjadi agama rasmi negara ini, penganutnya pula tertindas. Di manakah identiti Islam dalam negara ini?

Melihat fonomena semasa, amat mendukacitakan kita. Orang politik Melayu-Muslim kita, hampir kesemua aliran yang ada sedang kegilaaan mendapatkan kuasa. Bagaimana seseorang yang sedang jatuh cinta yang terlampau dan sanggup mengorbankan apa sahaja. Bak kata P.Ramlee dalam lagunya: *Berkorban apa saja, harta ataupun nyawa. Itulah kasih mesra, sehati dan mulia. Kepentingan sendiri tidak diingini, bahagia kekasih saja yang diharapi.* Saya fikir ramai di kalangan pemimpin politik yang beragama Islam yang mungkin jika menyanyikan lagu ini semula maka begini bunyinya: *Berkorban apa sahaja, agama ataupun negara. Itulah bukti kerjasama sehati dan saksama. Kepentingan umat sendiri tidak diingini, bahagia pengundi, itulah yang diharapi.* Saya tidak perkauman. Saya bukan pejuang bangsa tetapi saya ingin berjuang untuk kepentingan umat Islam, tanpa mengira bangsa, dalam masa yang sama memberi keadilan untuk semua. Namun dalam acuan dan kerangka yang diajar oleh Islam.

Saya tidak pernah menafikan hak bukan Muslim dalam negara ini. Islam mengiktirafnya. Tetapi saya bimbang dalam keinginan ahli-ahli politik Muslim untuk menjaga hati pasangan mereka, mereka melupai identiti diri dan masa depan umat sendiri. Hinggaan dahulu ada yang mengkafirkan orang lain kerana kerjasama dengan parti bukan Muslim atau memangkah calon yang bukan Muslim, hari ini dunianya pun sudah terbalik. Sepatutnya fatwa itu ditarik dahulu, atau diberikan penjelasan semula agar tiada siapa yang akhirnya mengkafirkan dirinya sendiri. Bukanlah isu itu yang hen-

dak dibangkitkan, sebaliknya nak menjelaskan betapa tsunami politik boleh mengubah banyak perkara. Itu mungkin biasa. Tetapi jangan sampai menggadaikan diri kita semua.

Sekali lagi, saya tidak fanatik melulu. Tulisan dan pendapat saya sentiasa stabil tentang perlunya Islam ini digambarkan secara lunak dan murni kepada non-Muslim. Namun kali ini saya ingin meminta mereka semua berfikir, atau pembaca saya menyampaikan fikiran ini kepada mereka. Kecenderungan sesetengah mereka di akhir-akhir ini untuk menuntut berbagai-bagai perkara, agak merisaukan. Apatah lagi mereka tahu, rakan-rakan politik dari pelbagai aliran akan melayan demi kerusi kesayangan atau idaman. Setiap warga-negara dalam naungan politik Islami, boleh menuntut haknya jika benar itu haknya. Namun tuntutan sehingga kepada peringkat menghakis identiti negara ini sebagai negara Muslim amat berbahaya.

Menyangka

Mereka janganlah menyangka bahawa orang Islam di Malaysia begitu tidak adil. Sehingga kononnya ingin menjemput bantuan luar. Kita tidak ingin membabitkan dosa luar dibawa ke mari. Jika kita ingin menilai berdasarkan pandangan luar, kita mungkin boleh bertanya; adakah umat Islam di India mendapat hak seperti kaum Hindu mendapat hak dalam negara ini? Di India, masjid mereka diruntuhkan, mereka ada yang dibunuh, dirogol, disiksa dan berbagai-bagai lagi. Namun pernah itu dijadikan sukatan dalam memberikan hak dalam negara ini? Tentu sama sekali tidak. Islam pun berpegang bahawa seseorang tidak menanggung dosa orang lain. Lihatlah layanan yang diperoleh oleh masyarakat Muslim di China. Bandingkanlah apa yang telah diperoleh oleh kaum Cina bukan Muslim di negara ini pula. Lihatlah pula minoriti Muslim di negara-negara majoriti Hindu atau Buddha. Jikalauh sukatan luar itu diambil sebagai penilaian, tentulah buruk natijahnya. Lihatlah Amerika yang menyeru kepada demokrasi. Pertempuran di Iraq, Afghanistan dan kebangkitan rakyat Palestin yang dizalimi menentang kekasihnya Israel, turut ditanggung oleh rakyat Muslim di Amerika. Mereka dilayan dengan cara yang menakutkan. Adakah hal ini dilakukan dalam negara ini? Kita telah hidup dalam keadaan aman. Keamanan ini jika dikoyak, sukar untuk dicantumkan kembali.

Apabila Islam diberikan kelebihan dalam negara ini, itu adalah perkara biasa. Ini kerana Islam adalah agama rasmi negara dan majoriti penduduknya menganut Islam. Inilah juga berlaku di India, Thailand dan lain-lain yang mengutamakan agama negara. Bahkan negara-negara yang memakai label sekular di Barat memberikan keutamaan kepada agama Kristian mele-

bihi agama lain. Tiba-tiba ada pihak yang menganggap keistimewaan yang diberikan kepada agama Islam dalam negara ini sebagai tidak adil. Malangnya disokong pula oleh yang mengaku Muslim. Padahal ada agama tertentu yang telah mengkasta-kasta sesama penganutnya pun. Sehingga ke tahap yang - pada penilaian Islam- amat tidak wajar dari segi kemanusiaan. Sehingga kasta bawahan tidak boleh makan atau bergaul bersama kasta atasan. Itupun diterima. Tiba-tiba dibantah kelebihan yang diberikan dari segi perlembagaan dan kewangan kepada agama Islam.

Pun begitu, kita juga dalam masa yang sama menyedari bahawa ada perkara yang berhubung dengan hak bukan Muslim yang perlu untuk disemak dan diteliti semula. Jika ada kecacatan tentang hak mereka, bukanlah salah ajaran Islam, jangan mereka mentohmah Islam. Mungkin beberapa kesilapan penganutnya atau pengurusan yang tidak tepat. Percayalah, tidak ada agama dalam dunia yang begitu meraikan kebajikan bukan penganutnya seperti ajaran Islam ini. Lihat al-Quran menyebut: *(maksudnya) Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan memberikan sumbangan harta kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agama (kamu), dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil. Sesungguhnya Allah hanyalah melarang kamu daripada menjadikan teman rapat orang-orang yang memerangi kamu kerana agama (kamu), dan mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu, serta membantu (orang lain) untuk mengusir kamu dan (ingatlah), sesiapa yang menjadikan mereka teman rapat, maka mereka itulah orang-orang yang zalim.* (Surah al-Mumtahanah ayat 8-9).

Bahkan Allah menjamin bukan Muslim dalam keadaan yang sukar dengan menyebut: *(maksudnya): Dan jika seseorang daripada kalangan Musyrikin meminta perlindungan kepadamu, maka berilah perlindungan kepadanya sehingga dia sempat mendengar keterangan-keterangan Allah (tentang hakikat Islam itu), kemudian hantarlah dia ke tempat yang selamat. Demikian itu (perintah tersebut) ialah kerana mereka itu kaum yang tidak mengetahui (hakikat Islam). Bagaimanakah dapat diakui adanya perjanjian (keamanan) di sisi Allah dan Rasul-Nya bagi orang-orang Musyrikin (sedangkan mereka mencabulinya)? Kecuali orang-orang (Musyrikin) yang kamu telah mengikat perjanjian setia dengan mereka dekat Masjidilharam. Maka selagi mereka berlaku lurus terhadap kamu, hendaklah kamu berlaku lurus pula terhadap mereka; sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang bertakwa.* (Surah al-Taubah: 6-7). Apakah ada jaminan dalam nas-nas agama lain terhadap umat Islam?

Apa yang menjadi masalah pada hari ini

bukanlah ajaran Islam yang perlu dibimbing oleh mereka jika dilaksanakan dengan penuh penghayatan terhadap asas keadilan yang menjadi teras agama ini. Apa yang menjadi masalah adalah sikap dan kelakuan sesetengah umat Islam itu sendiri yang tidak menunjukkan imej yang baik tentang Islam. Saya pernah membangkitkan berbagai-bagai isu yang salah ditangani oleh orang Islam. Dulu saya pernah bangkit 'Isu bin Abdullah', isu jawab salam, isu murtad dan berbagai-bagai lagi. Begitu juga saya kurang setuju kita merebut jenazah yang tidak ada bukti yang kukuh tentang keislamannya. Sehingga menimbulkan salah faham, atau mudarat kepada Islam. Rasulullah SAW pun tidak menuntut jenazah Raja Habsyah iaitu Najasyi yang menganut Islam secara sembunyi dan mati di sana. Kerajaan Habsyah adalah kerajaan Kristian. Keislaman Raja Najasyi adalah secara sembunyi. Orang Islam mengetahui keislamannya. Dia sering berutusan dengan Nabi SAW. Namun apabila dia meninggal, Nabi SAW hanya bersolat jenazah secara ghaib (tanpa kewujudan jenazah) di Madinah. Dalam hadis al-Bukhari: daripada Jabir r.a: Nabi SAW bersabda -ketika kematian Najasyi-: *Telah mati pada hari ini seorang lelaki soleh. Bangunlah dan bersolatlah ke atas saudara kamu Ashamah (nama Najasyi)*. Para sarjana fikah mengulas berbagai-bagai alasan tentang solat jenazah ghaib ini. Antara mereka ada yang menyebut disebabkan jenazahnya tidak disolatkan di tempat kematiannya kerana berada bersama dengan orang Kristian. Jika jenazah Najasyi yang disayangi oleh Nabi SAW lagi nyata Muslim di sisi orang Islam Madinah apabila tiada keupayaan untuk menuntutnya dibiarkan tanpa dituntut, demikianlah jenazah Muslim biasa yang tiada bukti yang jelas, maka bagaimanakah kita hendak terus menuntutnya? Allah Maha Mengetahui keadaan setiap hamba-Nya yang mati.

Menghormati

Mereka bukan Islam juga hendaklah menghormati perasaan umat Islam dalam negara ini. Mereka hendaklah mengelakkan perkara-perkara yang boleh menimbulkan sensitiviti umat Islam. Menghina ajaran Islam; seperti mencerca atau mengutuk Allah, atau para nabi wajib dielakkan dalam apa bentuk sekalipun. Demikian juga seperti meminum arak di khalayak ramai, memakan, menjual atau mementernak babi secara terbuka dan seumpamanya. Walaupun hal itu tidak menjadi kesalahan bagi mereka, namun ia sensitif bagi umat Islam. Mereka boleh makan dan minum di kalangan mereka tetapi bukan secara terbuka sehingga menimbulkan keresahan.

Malangnya dalam negara kita, umat Islam sendiri telah *double-standard*, arak dan babi keduanya diharamkan Allah, tapi cuma babi sahaja yang dijauhi, sementara arak diiklan secara meluas. Sedangkan nas-nas pengha-

raman arak lebih banyak dan tegas daripada larangan memakan babi. Sepatutnya pemerintah di setiap peringkat - negeri ataupun pusat - dalam negara ini mempertahankan identiti negara ini, jangan sampai kita menjadi pengeksport babi ataupun arak.

Identiti Islam dalam negara kita ini dari beberapa sudut amat samar. Maka tidak hairan jika Muslim dan bukan Muslim semakin keliru. Sesetengah pentas kita berkata ingin menghayati Islam. Tetapi akhirnya yang nampak hanyalah slogan dan kain rentang semata. Saya tidak maksudkan dengan identiti Islam itu pemimpin negara ini kena berserban dan berjubah, atau pakaian rakyat jelata ditukarkan kepada fesyen Arab, atau dendangan nasyyid di sepanjang jalan, atau diharamkan hiburan dan filem seperti yang dibayangi oleh sesetengah pendendang negara Islam tanpa kefahaman yang betul. Tetapi saya maksudkan identiti negara Islam itu prinsip-prinsip Islam mesti dipertahankan. Keadilan, ketelusan, keamanan dan kemuliaan negara berdasarkan Islam. Semua perdagangan, pertahanan, pendidikan, alam sekitar, hubungan sosial dan selainnya mestilah dibina atas prinsip-prinsip mulia yang diasaskan oleh Islam. Jika ini berlaku, maka Islam akan difahami dan dipandang tinggi oleh bukan Islam. Jika tidak, mereka keliru dan tiada penghormatan kepada penganutnya. Saya tidak tahu di manakah identiti Islam bagi negara ini jika saya berjalan di Bukit Bintang. Di manakah gambaran keindahan Islam yang menjaga kerosakan akal, jika pusat-pusat hiburan kita penuh dengan manusia mabuk dan hilang akal? Jika sampai sahaja ke gerbang negara ini, kedai-kedai arak dijual terbuka. Apakah negara ini kelihatan amat mundur kerana tidak manusia mabuk? Apakah bukan Muslim akan rasa begitu tertindas jika arak tidak dipamerkan secara terbuka? Saya tidak fikir mereka merasa begitu. Akhirnya kita menghadapi krisis identiti diri. Antara slogan Islam dan penghayatan yang dilaksanakan. Seperti seorang artis yang keliru antara ingin menjadi penyanyi atau menjadi *superman*. Krisis identiti ini juga kadangkala seperti seorang yang berjunta lain, tetapi berkecenderungan lain. Akhirnya 'saudara' pun tidak, saudari pun tidak. Maka akhirnya mungkin dipanggil 'saudari'. Negara kita ini perlu menjelaskan apakah identiti-nya yang sebenar? Setelah dijelaskan maka senangkah untuk kita membuat penilaian atas tindakan. Saya lihat kekeliruan sarat berlaku kepada semua jenama parti politik yang ada. Tsumani politik telah merubah banyak identiti negara dan parti.

● DR. MOHD. ASRI ZAINUL ABIDIN
ialah Mufti Kerajaan Negeri Perlis.
E-mel: moasriza@yahoo.com
Layari <http://drmaz.com/>